

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA
PERHIMPUNAN KORPORAT
16 OKTOBER 2012 (SELASA)
JAM 8.30 PAGI
DI HADAPAN PINTU MASUK
LOBI BANGUNAN IBU PEJABAT MPSP**

.....

Yang Dihormati Ahli Majlis -Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, suka saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita berhimpun di dalam Perhimpunan Korporat untuk kali ketiga bagi tahun ini.

Pertama sekali saya ingin menyampaikan beberapa isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Post Exco yang diadakan 20 September yang lalu untuk perhatian tuan-tuan dan puan-puan. Perkara yang dibangkitkan adalah seperti:

1. Semua Ketua Jabatan perlu membuat pemantauan yang rapi tentang perjalanan dan pengurusan pejabat supaya mengikut peraturan dan prosedur yang betul termasuk pengurusan dari segi pentadbiran dan kewangan
2. Ketua Jabatan membuat pemantauan tentang kehadiran semua kakitangan dan kelewatan datang ke pejabat atau tidak punch card. Alasan-alasan lewat datang kerja perlu diteliti oleh Ketua Jabatan.
3. Ketua Jabatan juga diminta untuk memastikan prosedur kewangan dipatuhi dan memastikan kewangan yang diperuntukan digunakan dengan berhemah.
4. Float file perlu disemak oleh Ketua Jabatan

Oleh yang demikian, saya berharap kesemua perkara yang dibangkitkan dapat diberi perhatian dan pemantauan daripada Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai atasan di jabatan masing-masing.

Saya merasakan perkara meningkatkan disiplin kakitangan merupakan perkara yang perlu diberi perhatian. Setiap warga kerja MPSP hendaklah bekerja sebagai satu pasukan dan berdisiplin serta mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan tugas yang di amanahkan kepada kita. Di sini saya ingin menegaskan bahawa saya amat mementingkan disiplin dalam menjalankan tugas bagi semua staf kita. Suka saya ingatkan, semua kakitangan perlu memastikan semua urusan berkaitan

pentadbiran diuruskan secara bersistematik supaya selaras dengan kehendak Arahan Pentadbiran dan Perintah-perintah Am Kerajaan Pengurusan Pentadbiran dan Perkhidmatan. Justeru itu saya ingin mengingatkan sekali lagi setiap warga MPSP perlulah berfikiran positif, berdisplin serta bertanggung jawab dan amanah dalam menjalankan tugas.

Ingin juga saya tekankan di sini, semua kakitangan diminta mematuhi peraturan dan arahan serta menitikberatkan kehadiran ke pejabat. Majlis telah menggunakan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 Pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat Di Semua Agensi Kerajaan Persekutuan dimana di dalam pekeling ini mempunyai tiga (3) Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) iaitu :

WPI : 7.30 pagi	-	4.30 petang
WP2 : 8.00 pagi	-	5.00 petang
WP3 : 8.30 pagi	-	5.30 petang

Justeru itu, semua kakitangan perlu mematuhi waktu kehadiran yang tuan-tuan dan puan-puan telah pilih. Saya merasakan semua kakitangan perlu mengatur perjalanan ke pejabat dengan mengambilkira perkara-

perkara yang berkemungkinan berlaku di luar jangka seperti kemalangan, pembaikan jalan, hujan lebat, kerosakan lampu trafik dan sebagainya

Suka juga saya ingatkan di sini, Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007, Panduan Pengurusan Pejabat , berkenaan **Rekod Kehadiran**

Perkara 2.5. menyatakan setiap jabatan hendaklah menyelenggara Rekod Kehadiran pegawai. Setiap pegawai bertanggungjawab untuk merekodkan waktu mereka sampai dan waktu mereka meninggalkan pejabat mengikut mana-mana kaedah yang diguna pakai oleh jabatan. Setiap kaedah yang diguna pakai hendaklah mampu memantau kehadiran pegawai dengan berkesan.

Oleh itu, saya meminta ketegasan semua ketua jabatan dalam menangani isu kelewatan kehadiran kakitangan kerana kelewatan ini merupakan punca bagi masalah disiplin.

Bagi Perkara 2.6. Jadual tugas yang mengandungi maklumat pegawai yang bercuti, berkursus dan bertugas di luar pejabat hendaklah sentiasa dikemaskini dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.

Pekeliling yang telah dibentuk ini bertujuan untuk memantau dan menguruskan rekod kehadiran kakitangan dengan lebih cekap dan berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Perkara yang akan sentuh selepas ini juga bersangkutan dengan rekod kehadiran ke pejabat.

Melalui Mesyuarat Pihak berkuasa Pelantikan Ke 13/2012 telah meluluskan Dasar Pembaharuan Tempoh Perkhidmatan Kontrak Kakitangan MPSP yang berkuatkuasa pada 1 September 2012. Kriteria yang dijadikan panduan bagi dasar ini adalah seperti:

- **Pembaharuan tempoh perkhidmatan kontrak bagi kakitangan yang perkhidmatan kontrak semasa adalah 1 atau 2 tahun:-**

- ✓ Bagi kakitangan yang lewat maksimum 3 kali, maka kontrak dilanjut untuk setahun.
- ✓ Untuk kakitangan yang lewat 4-12 kali, tempoh pembaharuan kontrak adalah hanya 3 bulan.
- ✓ Manakala untuk kakitangan yang lewat 13 kali dan keatas, kontrak mereka tidak akan dipertimbangkan untuk diperbaharui.

- **Pembaharuan tempoh perkhidmatan kontrak bagi kakitangan perkhidmatan kontrak semasa adalah 3 bulan:-**

- ✓ Untuk membolehkan kontrak kakitangan diperbaharui bagi tempoh setahun, rekod kehadiran tidak boleh lewat walaupun untuk sekali.
- ✓ Manakala bagi mereka yang lewat sekali dan keatas, kontrak mereka tidak akan diperbaharui.

Untuk makluman semua, pembaharuan perkhidmatan kontrak bagi tempoh 3 bulan hanya boleh dibuat sebanyak 2 kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan kontrak kakitangan tersebut. Kakitangan tersebut adalah tidak layak dilanjutkan tempoh kontraknya untuk kali ke-3 walaupun kakitangan tersebut tidak mempunyai rekod kehadiran lewat dalam tempoh kontrakt untuk 3 bulan terakhir tersebut.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua kakitangan yang berstatus kontrak untuk menjaga rekod kehadiran dan menunjukkan prestasi yang baik supaya dapat diperakukan untuk mendapat jawatan tetap di MPSP.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PBT ada kalanya dilabelkan sebagai sebuah organisasi yang tidak mesra rakyat, tidak sensitif dan kurang memberi perhatian kepada masalah yang

dihadapi oleh rakyat di dalam kawasan pentadbirannya. Ianya dikatakan gagal untuk mengambil tindakan dengan cepat dan tepat dalam mengatasi masalah yang timbul dan menguatkuasakan undang-undang tanpa mengambilkira sensitiviti rakyat dan pelanggannya. Persepsi negatif ini perlu dikikiskan daripada minda rakyat dan masyarakat keseluruhannya.

Oleh itu, kita sebagai kakitangan PBT perlu memperbaiki kelemahan kita, menangani cabaran yang kita hadapi, dan memadamkan persepsi rakyat yang tidak baik terhadap PBT.

Saya ingin juga berkongsi ucapan Y.A.B. Ketua Menteri di dalam Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama Y.A.B. Ketua Menteri pada 13 Jun 2012 yang lalu, Kerajaan Negeri berhasrat menjadi negeri berkebajikan dengan 5 teras utama pembangunan negeri iaitu:

1. Merencanakan pertumbuhan ekonomi (*pro-growth*)
2. Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan (*pro-jobs*)
3. Menjamin keadilan sosio-ekonomi (*pro-poor*)
4. Memantapkan sektor pendidikan demi menjamin masa depan generasi muda (*pro-talent* atau pro bakat)
5. Menjaga alam sekitar (*pro-green* atau pro-hijau)

Saya berharap semua kakitangan MPSP boleh melaksanakan 5 teras yang telah digubal & dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kerana saya melihat MPSP memainkan peranan yang penting untuk mencapai semua hasrat yang telah digariskan oleh Kerajaan Negeri.

Selain itu, Y.A.B. Ketua Menteri turut menyenaraikan 5 keruntuhan sesebuah pasukan atau organisasi. Antaranya adalah ;

1. Tidak berkeyakinan, tidak amanah dan tidak berkaliber dikalangan ahli dalam sesebuah oraganisasi atau pasukan.
2. Tidak mempunyai pengurusan konflik yang cekap.
3. Tidak mempunyai komitmen di kalangan ahli dalam pasukan.
4. Tidak mempunyai akauntable.
5. Tidak mempunyai hasil kerja yang bermutu dalam pasukan

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dimaklumkan pada 5 Oktober 2012 Mesyuarat Majlis Penuh Khas telah memperakukan dan meluluskan Cadangan Bajet 2013 untuk diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Bajet pada tahun hadapan adalah lebih mencabar dengan menumpukan kepada fokus berikut :

- ✓ Program dan aktiviti pembersihan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM85.58 juta
- ✓ Pengurusan lalulintas yang efisien dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM10.7 juta
- ✓ Penyediaan infrastruktur Majlis sebanyak RM3.07 juta
- ✓ Program meningkatkan keceriaan bandar sebanyak RM3.3 juta
- ✓ Memantapkan organisasi dan modal insan sebanyak RM3.55 juta
- ✓ Mengukuhkan kedudukan kewangan Majlis dengan mempergiatkan usaha mendapatkan hasil (peningkatan RM17.75 juta)
- ✓ Meningkatkan usaha mengawal banjir sebanyak RM5.74 juta
- ✓ Meningkatkan perkhidmatan dan penyertaan komuniti Seberang Perai sebanyak RM2.14 juta
- ✓ Majlis memperuntukkan sejumlah RM8.38 juta bagi kawasan industri yang merangkumi aktiviti pembersihan, perparitan, lampu isyarat & lampu jalan, penyelenggaraan jalan dan bayaran bil elektrik.

Pada tahun lepas Majlis telah meluluskan bajet 2012 dengan defisit sebanyak RM29.7 juta. Untuk memastikan agenda Majlis diteruskan, pada tahun hadapan saya mencadangkan peruntukan berjumlah RM211.28 juta berbanding anggaran pendapatan sebanyak RM200.93 juta. Ini bermakna pada tahun 2013 saya mencadangkan bajet defisit berjumlah RM10.35 juta.

Bajet defisit ini adalah wajar dan diperlukan sebagai rangsangan fiskal bagi memenuhi keperluan tanggungjawab MPSP kepada rakyat. Walau bagaimana pun, pencapaian kewangan bersih dalam tahun operasi, akan sedaya upaya dikawal pada tahap lebihan pendapatan yang wajar. Selain dari kenaikan kos mengurus, defisit ini adalah satu keperluan untuk mengimbangi kekangan cukai taksiran yang berasaskan kepada nilai-nilai tujuh tahun yang lalu iaitu senarai nilai-nilai tahun 2005. Oleh yang demikian Cadangan Bajet 2013 tidak akan melibatkan sebarang kenaikan cukai taksiran. Dengan sumber hasil yang terhad, MPSP akan mengembeleng tenaga untuk mempertingkatkan hasil sedia ada dan mencari sumber-sumber baru bagi menampung beban kewangan. Satu pelan peningkatan hasil yang komprehensif dan drastik telah dibentang dan dipersetujui oleh Majlis yang melibatkan RM17.75 juta sumber-sumber hasil baru. Ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan keupayaan fiskal kita bagi kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Sesuai dengan matlamat ini, tema bajet kali ini adalah Membina Keupayaan Fiskal ke Arah Seberang Perai yang Bersih dan Mampan (*"Building Fiscal Capacity Towards Cleaner And Sustainable Seberang Perai"*).

Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada tahun ini, kita telah mensasarkan tujuh fokus utama untuk dilaksanakan iaitu :

1. Pembersihan dan Kehijauan
2. Mewujudkan Eko Komuniti
3. Perancangan dan Pembangunan
4. Penguatkuasaan
5. Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos
6. Penyertaan Komuniti Dalam Pengurusan Fiskal dan
7. Pembinaan Kapasiti Modal Insan

Ketujuh-tujuh Fokus 2012 ini berpaksikan kepada kemampanan atau *sustainability* selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang pintar, bersih, hijau, selamat dan sihat untuk didiami dan berekreasi, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan.

Atas inisiatif untuk menggerakkan MPSP selari dengan perkembangan globalisasi serta tuntutan untuk mewujudkan komuniti mampan, program-program yang dirancang dalam Fokus MPSP 2012 telah berupaya untuk

memberikan sumbangan besar ke arah meningkatkan kualiti kehidupan penduduk Seberang Perai secara komprehensif.

Fokus MPSP 2012 dibentuk bagi menambah baik sistem penyampaian MPSP selain daripada tugas harian, ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat. Untuk memastikan Fokus MPSP ini dicapai dengan jaya, peranan kakitangan MPSP amat penting dalam memberikan maklumbalas yang tepat kepada stakeholders.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai kerana pencapaian-pencapaian cemerlang yang telah dicapai pada tahun ini seperti :

- Penerimaan anugerah “Outstanding Contribution Towards Sustainability” daripada Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia pada 23 Jun 2012.
- Berjaya memperolehi Persijilan semula MS ISO 14001 : 2004 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Berjaya mendapat Penarafan 4 Bintang dalam Penilaian Sistem *Star Rating* oleh KPKT
- Berjaya memperolehi Sijil Bersih Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Dis 2011

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sempena dengan Perhimpunan Korporat pada pagi ini, MPSPNET yang baru akan dilancarkan sebentar nanti. Matlamat wajah baru laman MPSPNET ini adalah untuk memberi semangat dan galakkan kepada semua kakitangan untuk melayari laman MPSPNET dan melancarkan tugas seharian kita.

Menu-menu dalam MPSPNET yang baru adalah lebih tersusun, mudah dicapai dan lebih interaktif. Selain itu, terdapat tambahan aplikasi baru yang boleh didapati daripada laman MPSPNET seperti ruangan sosial yang membolehkan kakitangan MPSP untuk menyampaikan ucapan hari jadi, sambutan perayaan atau ucapan tahniah kepada kakitangan. Disamping itu, MPSPNET yang baru juga menyediakan capaian seperti Forum MPSP di mana-mana semua kakitangan boleh menggunakan forum tersebut untuk bertukar pandangan, memberi tunjuk ajar dalam tugas seharian.

Selain itu, Bahagian Teknologi Maklumat juga menyediakan pusat media dalam MPSPNET. Kakitangan boleh melayari pusat media untuk melihat gambar-gambar yang diadakan oleh MPSP. Semua kakitangan juga boleh mengetahui tentang ramalan cuaca dan waktu solat pada setiap hari.

Diharapkan semua kakitangan boleh menggunakan laman MPSPNET yang baru dalam menjalankan tugas seharian dengan lebih efektif dan efisien.

Untuk makluman semua, pada bulan Jun yang lalu, latihan mengenai pembangunan laman web telah diadakan dengan tujuan kakitangan di jabatan dapat mereka laman web untuk jabatan masing-masing. Pertandingan Laman Web Antara Jabatan telah diadakan di antara bulan Jun sehingga bulan Ogos 2012. Sebanyak 16 penyertaan daripada kesemua jabatan MPSP dan juga termasuk Unit Audit Dalaman dan OSC. Proses penilaian bermula dari 10 September 2012 sehingga 13 September 2012. Terdapat lima (5) pemenang yang akan dipilih bagi pertandingan ini. Pemenang akan diumumkan sebentar lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Tahniah diucapkan kepada Kumpulan e-Bangunan yang mana telah memenangi tempat ke-2 di dalam Konvensyen KIK Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang yang telah diadakan pada 19 September 2012 di Komtar baru-baru ini. Untuk makluman semua, tajuk yang dipertandingkan di dalam konvensyen ini ialah **Sistem Maklumat Yang Efisien**. Kumpulan ini telah diketuai oleh Encik Mohd Raisul Muhaddisin bin Hamat dan juga Cik Normaira bt Abdul Rahman sebagai fasilitator.

Saya mengharapkan dengan kemenangan ini, menjadi pemangkin semangat kepada jabatan-jabatan lain untuk mengeluarkan idea-idea inovatif dan kreatif yang lebih bernas di dalam konvensyen yang akan datang.

Sebelum mengundurkan diri, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MPSP yang memberikan komitmen, nasihat dan pandangan yang bernas untuk memperkukuhkan pentadbiran dan perkhidmatan MPSP sepanjang tahun ini.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaim wbth.

Sekian, terima kasih.